

Bil. S 16

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (AKTA BANK) (PINDAAN), 1999

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah membuat Perintah yang berikut –

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Akta Bank) (Pindaan), 1999 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Januari, 1999.

Pindaan Penggal 95.

2. Akta Bank adalah dengan memasukkan sejurus selepas bab 6A bab 6B baru yang berikut –

“Aset cair.

6B. (1) Menteri boleh dari masa ke semasa, menetapkan dengan notis secara bertulis kepada tiap-tiap bank suatu jumlah atau jumlah-jumlah minimum aset cair yang hendak dipegang oleh bank itu pada setiap masa.

(2) Jumlah atau jumlah-jumlah minimum aset yang ditetapkan untuk dipegang hendaklah dinyatakan dalam bentuk –

- (a) suatu peratus atau beberapa peratus daripada liabiliti tampak, liabiliti akaun simpanan, liabiliti bermasa dan liabiliti deposit lain bagi tiap-tiap bank dan liabiliti lainnya sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri sama ada secara bersesama atau berasingan ; dan
- (b) suatu peratus daripada akaun pelaburan tiap-tiap bank dan peratus atau beberapa peratusan itu boleh diubah oleh Menteri dari masa ke semasa dengan notis secara bertulis kepada bank itu.

(3) Jika Menteri mengeluarkan suatu notis di bawah ceraian (1) tiap-tiap bank hendaklah diberi tempoh tangguhan yang sama, iaitu tidak kurang dari tujuh hari, sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam notis tersebut bagi mematuhi peruntukan-peruntukannya.

(4) Sesuatu bank hendaklah tidak, dalam sebarang tempoh bank itu tidak mematuhi sebarang notis di bawah ceraihan (1), tanpa kebenaran Menteri, meminjamkan atau mendahulukan sebarang wang kepada mana-mana orang.

(5) Bagi tujuan mengira jumlah atau jumlah-jumlah minimum aset cair di bawah bab ini dan liabiliti tampak, liabiliti akaun simpanan, liabiliti akaun pelaburan, liabiliti bermasa dan liabiliti deposit lain sesuatu bank yang menjalankan perniagaan di Brunei dan di tempat lain dan liabiliti lain bank tersebut sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri, pejabat-pejabat dan cawangan-cawangan bank tersebut di Brunei hendaklah dianggap sebagai menjadi suatu bank berasingan yang menjalankan perniagaan di Brunei.

(6) Bagi maksud bab ini, aset cair bermakna –

- (a) wang kertas dan syiling yang sah diperlakukan di Brunei ;
- (b) baki dengan Kementerian Kewangan ;
- (c) baki dengan bank-bank di Brunei, selepas menolak daripadanya baki yang dipegang untuk bank-bank di Brunei ;
- (d) wang panggilan bersih di Brunei ;
- (e) bil-bil Perbendaharaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan ; dan
- (f) aset lain sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa diluluskan oleh Menteri.

(7) Menteri boleh dengan notis secara bertulis menghendaki tiap-tiap bank untuk memberi penyata atau penyata-penyata sebagaimana yang dianggap perlu oleh Menteri bagi pelaksanaan bab ini.

(8) Mana-mana bank yang tidak mematuhi sebarang peruntukan bab ini adalah bertanggungjawab untuk membayar, apabila diminta berbuat demikian oleh Menteri, suatu bayaran bunga penalti sebanyak \$1,000.00 sehari atau jumlah yang lebih besar sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri bagi setiap hari selama mana kekurangan itu berterusan.

(9) Mana-mana bank yang tidak atau enggan membayar suatu bayaran bunga penalti di bawah cerai (8) adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.".

Diperbuat pada hari ini 9 haribulan Zulhijah, Tahun Hijrah 1419 bersamaan dengan 27 haribulan Mac, 1999 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM